



Oleh **Hariyati Ariffin**



**DATUK dan nenek** suka memanjakan cucu dan sangat penyayang.

# Datuk dan nenek penjaga dua generasi

**D**alam putaran kehidupan seseorang, menjadi datuk dan nenek satu fasa kehidupan yang sangat menyeronok dan membanggakan. Datuk dan nenek tempat cucu bermanja dan biasanya sifat mereka yang sentiasa penyabar, membuatkan lebih dihargai cucu.

Ini kerana datuk dan nenek lebih prihatin, suka memanjakan cucu dan sangat penyayang.

Disebabkan itu ada yang membuat andaian jika anak mereka dijaga oleh datuk dan nenek, anak kemungkinan akan menjadi terlalu manja dan 'rosak' kerana kasih sayang yang berlebihan.

Tidak dinafikan datuk dan nenek ikon penting dalam institusi kekeluargaan. Mereka penjaga bagi dua generasi iaitu anak dan cucu. Baru-baru ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperkenalkan Hari Datuk dan Nenek yang disambut pertama kali di negara ini 4 Oktober lalu.

Menterinya Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, sambutan itu bagi menghargai serta mengiktiraf pengorbanan golongan datuk dan nenek dalam memperkasa institusi kekeluargaan di negara ini.

Jelas sekali bahawa datuk dan nenek mempunyai peranan besar mencorak institusi kekeluargaan menjadi lebih harmoni dan sejahtera.

Pendapat orang lama biasanya berdasarkan pengalaman masa lalu mereka. Seperti kata pepatah 'mereka terlebih dulu makan garam'. Oleh itu, datuk dan nenek ini biasanya menjadi sumber rujukan cucu dan anak mengenai sesuatu hal.

Dalam satu kajian yang dibuat sekumpulan pensyarah dari Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Universiti Putra Malaysia yang diketuai Dr Rumaya Johari dan Dr Rozumah Baharuddin, menggariskan faedah menjadi datuk dan nenek membolehkan mereka membabitkan diri dalam kehidupan anak dan cucu secara langsung.

Mereka juga dapat memberi sokongan, galakan, membentuk kemahiran hidup, aktiviti senggang dan yang paling penting sekali mereka memperoleh kasih sayang dan keseronokan hasil interaksi bersama cucu.

Sebagai orang yang memegang adat, datuk dan nenek mempunyai petua kehidupan dan cerita sejarah yang dapat mengajar cucu dan anak mengharungi kehidupan dengan lebih tenang.

Mereka boleh menggunakan pengalaman dan kebijaksanaan untuk faedah bersama di samping menjadi sumber sokongan emosi pada anak dan cucu.

## Perkasa institusi keluarga

Mungkin ramai yang masih ingat kenangan sewaktu kecil bersama datuk dan nenek yang menjadi memori indah dan pastinya kita masih ingat dan kagum dengan pelbagai petua orang lama yang cukup hebat dan berkesan.

Dulu tidak ada hari tertentu memperingati datuk dan nenek, kerana kita sentiasa ada masa melawat dan berjumpa mereka.

Namun apabila zaman berubah,

datuk dan nenek semakin terabai dan terpinggir.

Mereka sudah jarang dihargai. Melihat bilangan warga emas yang ramai tinggal di pusat perlindungan atau terbiar keseorangan kerana anak dan cucu sibuk dengan kehidupan, menyebabkan masyarakat kini perlu diingatkan mengenai kepentingan warga tua dalam kehidupan mereka. Tanpa warga tua tiadalah orang muda.

Justeru, hari istimewa ini satu cara mengembalikan nilai murni dan akhlak mulia dalam masyarakat kita yang semakin terhakis kerana kesibukan bekerja dan tidak mementingkan cara hidup berkeluarga berkualiti.

Hari Datuk dan Nenek bukan saja hari memperingati mereka dan memperkasa institusi kekeluargaan, tetapi mengembalikan rasa tanggungjawab anak dan cucu kepada warga emas yang semakin terpinggir dalam masyarakat kita hari ini.

Janganlah jadi seperti kata pepatah 'habis madu sepah dibuang' sewaktu muda mereka dihargai tetapi apabila tua dan tidak berdaya serta tidak lagi produktif, dibuang seperti sampah dan dianggap menyusahkan orang lain.

Ingatlah bahawa, tiada yang tua mana mungkin ada yang muda. Sayangilah datuk dan nenek kita kerana hidup ini satu putaran.

**FAKTA**  
Hari Datuk dan Nenek disambut pertama kali 4 Oktober lalu

**Penulis Pensyarah Kanan  
Fakulti Komunikasi dan  
Pengajian Media  
UITM Shah Alam**